



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Asrama 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerjaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8884 9000
Faks : 03-8884 9316
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj Kami: KP(BPSH-SPKD)601/01/Jd.11 (/6)
Tarikh: 1 November 2014


Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan,

**PEMATUHAN GARIS PANDUAN MENCEGAH DAN MENANGANI PERBUATAN BULI
DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang berat kes-kes buli yang masih berlaku di sekolah dan segera akhir-akhir ini. Sehubungan dengan itu, semua pengurusan sekolah dan asrama hendaklah melaksana program intervensi secara proaktif, berfokus dan berkesan bagi mencegah perlakuan buli dan mengambil tindakan tegas ke atas murid yang melakukan perbuatan buli di sekolah.
3. Sehubungan dengan itu, semua Pengarah Pendidikan Negeri, Pengawal Pendidikan Daerah, serta Pengetua dan Guru Besar diingatkan supaya mengambil tindakan yang tegas serta tidak boleh berkompromi terhadap perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah dan asrama.
4. Bagi tujuan itu, pihak YBhg. Datuk/Tuan hendaklah merujuk surat pekeliling ikhtisas (SPI) dan surat siaran yang telah dikeluarkan oleh KPM sebelum ini. SPI dan surat siaran tersebut adalah:
 - 4.1 Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. (16) Tahun 2009: Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng Dalam Kalangan Murid.
 - 4.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. (8) Tahun 2010: Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah.





Kementerian Pendidikan Malaysia

GARIS PANDUAN

"MENANGANI BULI MELALUI PEMBUDAYAAN AMALAN PENYAYANG DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH DAN ASRAMA"

LATAR BELAKANG

1. Gejala buli dalam kalangan murid sekolah merupakan salah laku disiplin yang perlu dilihat secara serius oleh semua pihak. Gejala tersebut boleh memberikan impak yang negatif kepada murid.
2. Menyedari beberapa isu buli yang masih berlaku dalam kalangan murid kebelakangan ini, maka KPM terus berusaha melaksana program pencegahan dan pemulihan bagi menangani tingkah laku gejala buli dalam kalangan murid sekolah melalui **pendekatan sekolah penyayang dan amalan guru penyayang**.

KONSEP

3. Berkonsepkan **kepedulian** murid iaitu dengan **setiap murid merasa diri mereka adalah penting dan tidak merasa tersisih**. Guru Penyayang sentiasa mengambil peduli akan muridnya dengan berpegang kepada prinsip setiap murid adalah **dilahirkan mulia dan boleh diajar**.
4. Berkonsepkan **berbudi bahasa, saling menghormati dan bertolak-ansur** iaitu dengan **setiap murid merasa sikap menghormati orang lain adalah asas perhubungan yang penting**. Murid akan sentiasa **berinteraksi dengan baik dan menjaga hubungan** dengan berpegang kepada prinsip persahabatan membawa kesejahteraan hidup.

OBJEKTIF

Murid-murid dapat menterjemahkan sikap penyayang dan saling hormat menghormati sebagai budaya dalam perhubungan harian murid di sekolah dan asrama

5. Guru dan murid mengamalkan dan membudayakan **sifat penyayang**.
6. Murid mengamalkan budaya saling menghormati dan bertolak-ansur dan berbudi-bahasa dalam perhubungan.
7. Murid berinteraksi dengan baik dan menghargai perhubungan.

FOKUS

8. Amalan dan pembudayaan amalan penyayang di sekolah dan asrama melalui nilai-nilai murni dalam pergaulan bagi mengatasi gejala bull dengan berfokus kepada sifat dan sikap seperti berikut;
 - 8.1 **Ekspresi Kepenyayangan Guru** – iaitu bagaimana seseorang guru yang penyayang dapat mempamerkan sifat dan sikap penyayangnya. Guru dapat menjawai bahawa murid mereka merupakan aset penting yang perlu diberi perhatian, dijaga, dibimbing, dan disayangi pada setiap masa.
 - 8.2 **Ekspresi Kepenyayangan Murid** – iaitu bagaimana seseorang murid dapat mempamerkan budaya penyayang, berbudi bahasa, saling menghormati, bertolak ansur dan mengamalkan nilai-nilai murni.

Aktiviti : Ekspresi Kepenyayangan Guru dan murid

STRATEGI	FOKUS	AKTIVITI
Kepedulian Guru dan Murid	Mengamalkan Budaya Penyayang	<ul style="list-style-type: none"> a. Mengalu-alukan kehadiran murid b. Melaksana Program Mentor-Mentee c. Menghargai murid (sambutan hari lahir)
	Mengamalkan Komunikasi Berkesan	<ul style="list-style-type: none"> a. Berkomunikasi dengan baik b. Memberi sapaan dan senyuman c. Bercakap dengan sopan d. Menegur dengan baik e. Melafazkan terima kasih
	Mengamalkan Nilai-nilai murni	<ul style="list-style-type: none"> a. Melaksana Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (Ketidak patuhan dibimbing) b. Menghargai perhubungan dengan saling menghormati, bertolak-ansur dan berbudi-bahasa
	Kemahiran Daya Tindak	<ul style="list-style-type: none"> a. Kemahiran asertif diri b. Kemahiran membuat keputusan c. Kemahiran berkomunikasi d. Pengurusan emosi dan stres

STRATEGI EKSPRESI KEPENYAYANGAN GURU DAN MURID

9. Dalam melaksanakan amalan penyayang dan kepedulian terhadap murid, guru-guru hendaklah pada setiap masa;
 - 9.1 Berinteraksi dengan murid dilakukan secara bersemuka (*face to face*), bersikap mesra dan berbudi bahasa.
 - 9.2 Memberi perhatian termasuk menunjukkan simpati semasa berkomunikasi dengan murid.
10. Dalam melaksanakan ekspresi amalan penyayang murid hendaklah pada setiap masa;
 - 10.1 Berinteraksi (berkomunikasi) dengan baik dan menghargai perhubungan dengan rakan.
 - 10.2 Mengamalkan budaya saling menghormati dan bertolak-ansur dan berbudi-bahasa dalam perhubungan.
11. Dalam memastikan murid memiliki kemahiran mengatasi buli, murid hendaklah memiliki kemahiran daya tindak;
 - 11.1 **Kemahiran asertif** diri semasa berdepan dengan gejala buli.
 - 11.2 Boleh **membuat keputusan** menilai baik buruk sesuatu perlakuan.
 - 11.3 Boleh **berkomunikasi dengan baik** semasa berhubung dengan orang lain.
 - 11.4 Boleh **mengurus emosi dan stres**.



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



KEMENTERIAN
PENGETAHUAN
MALAYSIA

Tel : 03-8884 9000
Faks : 03-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj Kami: KP(BPSH-SPKD)601/01/Jld.10 (14)
Tarikh: 14 Julai 2014

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Dato'/Tuan.

PEMBENTANGAN AMALAN TERBAIK PROGRAM/PERKHIDMATAN/PENGURUSAN KAUNSELING DAN DISIPLIN DI SEKOLAH


Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sekolah Harian akan melaksana Konvensyen Amalan Terbaik Program/Perkhidmatan/Pengurusan Kaunseling dan Disiplin di sekolah. Konvensyen Amalan Terbaik adalah bertujuan memberi ruang kepada Guru Kaunseling dan Guru Disiplin di sekolah untuk berkongsi program/perkhidmatan/ pengurusan terbaik dalam perkhidmatan kaunseling dan disiplin di sekolah ke peringkat kebangsaan.

3. Sehubungan dengan itu Bahagian ini berbesar hati menjemput Guru Kaunseling dan Guru Disiplin membuat pembentangan amalan terbaik dalam konvensyen tersebut seperti ketetapan berikut:

- a. Setiap JPN menghantar 4 amalan terbaik program/perkhidmatan/pengurusan kaunseling dan disiplin (2 kaunseling dan 2 disiplin)
- b. Dokumentasi dan DVD pembentangan hendaklah dipanjangkan ke Bahagian ini selewat-lewatnya 31 Ogos 2014.
- c. 16 amalan terbaik akan dibentangkan dalam konvensyen peringkat kebangsaan (8 kaunseling dan 8 disiplin).
- d. Sebagai penghargaan kepada penyertaan, pembentang amalan terbaik akan menerima hadiah dan sijil penyertaan peringkat kebangsaan.

4. Kerjasama YBhg. Dato'/Tuan dimohon untuk memaklumkan Pembentangan Amalan Terbaik Program/Perkhidmatan/Pengurusan Kaunseling Dan Disiplin Di Sekolah kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua/Guru Besar, Guru Kaunseling dan Guru Disiplin di bawah pentadbiran YBhg. Dato'/Tuan.



5. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Terbaik Program/Perkhidmatan/Pengurusan Kaunseling dan Disiplin sebagai panduan dan makluman pihak YBhg. Dato'/Tuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



ABDULLAH BIN MAD YUNUS B.C.K.
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN AMALAN TERBAIK
PROGRAM / PERKHIDMATAN / PENGURUSAN
KAUNSELING DAN DISIPLIN DI SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2014**

1.0 PENDAHULUAN

Perkhidmatan bimbingan & kaunseling dan disiplin di sekolah memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan menyahut Cabaran Wawasan 2020, dengan memperkembangkan sumber manusia secara optimum di peringkat sekolah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2025. Ini boleh dicapai melalui perancangan program kaunseling dan disiplin yang sistematik, perkhidmatan yang berkualiti dan pelaksanaan program yang berkesan.

2.0 MATLAMAT

Meningkatkan kualiti dan profesionalisme perkhidmatan bimbingan & kaunseling dan disiplin di sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh negara supaya lebih berstruktur, berkesan dan cemerlang.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Mengenalpasti kekuatan perkhidmatan bimbingan & kaunseling dan disiplin di sekolah-sekolah yang boleh menjadi model terbaik.
- 3.2 Mengenalpasti kejayaan yang dicapai oleh guru bimbingan dan kaunseling serta guru disiplin dalam melaksanakan program kaunseling dan disiplin di sekolah.
- 3.3 Menyelaras dan menyeragamkan pengurusan pelaksanaan perkhidmatan kaunseling dan disiplin agar lebih menarik di semua sekolah-sekolah.
- 3.4 Mengenalpasti sekolah-sekolah yang boleh dijadikan contoh dan ikutan kerana telah berjaya melaksanakan program/perkhidmatan/pengurusan bimbingan & kaunseling dan disiplin dengan cemerlang.

- 3.5 Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada sekolah-sekolah dan guru-guru atas komitmen dan inovasi baharu dalam bidang kaunseling dan disiplin.

Moto

Melestarikan Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling dan Disiplin ke Arah Negara Maju.

4.0 KUMPULAN SASARAN

- 4.1 Amalan Terbaik Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling
4.1.1 Guru Bimbingan dan Kaunseling
- 4.2 Amalan Terbaik Perkhidmatan Disiplin
4.2.1 Terbuka kepada guru disiplin dan HEM

5.0 PERINGKAT PELAKSANAAN

Bil	Peringkat	Tarikh / Bulan
1	Mesyuarat pertama	9 Julai 2014
2	Surat suran	15-17 Julai 2014
3	Outreach	21-25 Julai 2014
4	Persediaan peringkat sekolah	Ogos
5	Penilaian Negeri	1-5 September 2014
6	Penilaian KPM	8-12 September 2014
7	Konvensyen Kebangsaan	23-25 September 2014

6.0 KAEADAH PELAKSANAAN

Pemantauan Penilaian

- 6.1. Penolong Pengarah Kaunseling Negeri dan Pegawai Disiplin Negeri akan menghebahkan program ini untuk pengetahuan semua Guru Bimbingan dan Kaunseling serta Guru Disiplin. Borang Penilaian diedarkan ke semua sekolah pada Julai sebagai panduan dan rujukan. Pihak sekolah akan melakukan persediaan dan penilaian kendiri (ogos) di peringkat sekolah menggunakan borang yang diberi.
- 6.2. Sekolah dikehendaki membuat persiapan di peringkat sekolah berasaskan borang penilaian yang telah dihantar. Pegawai Kaunseling PPD bersama panel penilai (Penolong Pengarah Kaunseling Negeri dan Pegawai Disiplin Negeri) membuat

penilaian terus di peringkat negeri seterusnya memilih 2 wakil peringkat negeri bagi setiap kategori. (september)

- 6.3 Sekolah perlu merujuk tarikh-tarikh penting berkaitan prosedur pertandingan amalan terbaik program / perkhidmatan / pengurusan kaunseling dan disiplin sekolah yang dilampirkan pada garis panduan yang diedarkan.
- 6.4 Hanya enam belas dokumentasi yang terdiri daripada 8 amalan terbaik perkhidmatan bimbingan & kaunseling dan 8 amalan terbaik disiplin sahaja akan dipertandingkan di konvensyen amalan terbaik perkhidmatan bimbingan & kaunseling dan disiplin (September).

7.0 PENILAIAN

7.1 Aspek Penilaian

Bil	Perkara	Markah
1	Idea 1.1 keaslian 1.2 inovasi / transformasi 1.3 kumpulan sasaran 1.4 praktikal / kesesuaian	20
2	Kreativiti 2.1 penyelesaian masalah 2.2 nilai tambah 2.3 menarik minat 2.4 mesra pengguna	25
3	Kaedah Pelaksanaan 3.1 objektif jelas 3.2 sasaran 3.3 Kacekapan sumber (tenaga, fleksibel dan kewangan)	15
4	Impak 4.1 keberhasilan 4.2 bukti yang disahkan 4.3 pencapaian 4.4 tempoh masa dan kesan 4.5 keterlibatan	25
5	Pengiktirafan 5.1 sekolah 5.2 Pejabat Pendidikan Daerah 5.3 Jabatan Pendidikan Negeri 5.4 Kementerian pendidikan Malaysia 5.5 Antarabangsa	10

6	Pendokumentasian amalan terbaik 6.1 idea & kreativiti 6.2 kaedah pelaksanaan 6.3 impak 6.4 pencapaian 6.5 bahan sokongan	5
	Jumlah	100

7.2 Instrumen Penilaian (Sila Rujuk Lampiran)

8.0 PENGANUGERAHAN

8.1 Penganugerahan terbahagi kepada 2 kategori seperti berikut:

- a. 8 Amalan Terbaik Program / Perkhidmatan / Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah
- b. 8 Amalan Terbaik Program / Perkhidmatan / Pengurusan Perkhidmatan Disiplin di sekolah

8.2 Hadiah-hadiah diberikan kepada pemenang seperti berikut:

- | | |
|---------------|---|
| a. Johan | - Sijil Penghargaan, trofi dan wang tunai |
| b. Naib Johan | - Sijil Penghargaan, trofi dan wang tunai |
| c. Ketiga | - Sijil Penghargaan, trofi dan wang tunai |
| d. 5 Saguhati | - Sijil Penghargaan, trofi dan wang tunai |

9 PENUTUP

Program ini diharap dapat memantapkan lagi martabat perkhidmatan bimbingan & kaunseling dan disiplin di sekolah rendah dan menengah selaras dengan keperluan dan perkembangan kanak-kanak serta remaja masa kini. Program ini juga akan membantu guru-guru menilai semula perkhidmatan yang diberikan agar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020.

**INSTRUMEN PENILAIAN INOVASI / PROGRAM
PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KATEGORI : GURU BIMBINGAN KAUNSELING**

BAHAGIAN A : MAKLUMAT AM

1. NEGERI	
2. DAERAH	
3. NAMA SEKOLAH	
4. ALAMAT	
5. NAMA PENGETUA	
6. NAMA GURU BIM & KAUNSELING	1. 2.
7. NAMA PROGRAM / INOVASI	
8. TEMPOH PELAKSANAAN	
9. SASARAN	

INSTRUMEN PENILAIAN INOVASI / PROGRAM DISIPLIN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KATEGORI : GURU DISIPLIN

BAHAGIAN B : MAKLUMAT AM

1. NEGERI	
2. DAERAH	
3. NAMA SEKOLAH	
4. ALAMAT	
5. NAMA PENGETUA	
6. NAMA GURU DISIPLIN	1. 2.
7. NAMA PROGRAM / INOVASI	
8. TEMPOH PELAKSANAAN	
9. SASARAN	

PROSEDUR KERJA
AMALAN TERBAIK PROGRAM / PERKHIDMATAN / PENGURUSAN
KAUNSELING DAN DISIPLIN DI SEKOLAH TAHUN 2014

BIL	TARikh	PERKARA	PERSONALIA /TINDAKAN
1.	9 JULAI	Mesyuarat Ahli Jawatan Kuasa Pelaksana	KPM JPN GBKSM
2	15 - 17 JULAI	Surat siaran dikeluarkan oleh KPM dan diperturunkan ke JPN	KPM JPN PPD
3	21 - 25 JULAI	"Outreach" ke sekolah	PPD SEKOLAH
4	OGOS	PERSEDIAAN SEKOLAH Persediaan dan penilaian kendiri di peringkat sekolah.	SEKOLAH
5.	1 - 5 SEPT	PENILAIAN PERINGKAT NEGERI 2 wakil terpilih (Disiplin) setiap negeri 2 wakil terpilih (B&K) setiap negeri	PPPD (Disiplin) MGK (B&K)
6.	8 - 12 SEPT	PENILAIAN PERINGKAT KPM 32 wakil terpilih (Disiplin) seluruh Malaysia 32 wakil terpilih (BSK) seluruh Malaysia	PP (Disiplin) PP (B&K)
7.	23 - 25 SEPT	KONVENTSYEN 16 wakil terpilih peringkat akhir 8 terbaik Disiplin 8 terbaik B&K	JURI JEMPUTAN AJK PELAKSANA

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

BIL.	PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN
1	Perandingan ini terbuka kepada semua Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBKSM) serta Guru Disiplin (GD) di sekolah menengah dan sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia
2	Setiap penyertaan pertandingan terdiri daripada dua orang GBKSM dan dua orang GD dari sekolah yang sama dan bertanding mengikut kategori masing-masing
3	Pembentangan amalan terbaik yang dihantar hendaklah belum pernah memasuki manjimana pertandingan sebelum ini
4	Kategori yang dipertandingkan ialah: <ul style="list-style-type: none"> (i) Amalan Terbaik Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di sekolah rendah dan menengah (ii) Amalan Terbaik Perkhidmatan Disiplin di sekolah rendah dan menengah
5	Setiap penyertaan tidak dikenakan sebarang yuran penyertaan
6	Setiap penyertaan akan diadili di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri untuk peringkat awal. Dua penyertaan terbaik bagi kategori GBKSM dan GD dari setiap negeri akan diadili oleh panel penilai di peringkat kebangsaan yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hanya tajam penyertaan yang terbaik akan dibentang ketika Konvensyen Amalan Terbaik Program / Perkhidmatan / Pengurusan Kaunseling dan Disiplin sekolah dan akan diadili oleh juri yang dilantik.
7	Setiap menyertaan perlu menggunakan borang penyertaan yang disediakan oleh pihak pengajuur yang dihantar ke sekolah.
8	Bahan pertandingan yang dihantar kepada panel penilai adalah dalam bentuk: <ul style="list-style-type: none"> (i) Dokumentasi (ii) DVD
9	Bahan penyertaan akan menjadi hak milik pengajuur iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia.
10	Keputusan panel penilai dan juri adalah mutuamad.
11	PANDUAN PENULISAN DOKUMENTASI <ul style="list-style-type: none"> a) Gunakan ke atas A4 b) Gunakan font Times New Roman (TNR) atau Arial c) Saiz tulisan 16 bagi tajuk besar, 14 bagi sub tajuk dan 12 bagi penulisan d) Gunakan selang 1.5 dan pastikan margin 2 cm pada setiap sisi kiri kertas e) Setiap penulisan perlu menggunakan Bahasa Melayu sahaja f) Laras bahasa dan format penulisan perlu diedit dan disemak sebelum penghantaran dibuat g) Setiap penulisan perlu di mulai dengan penulisan abstrak h) Isi kandungan penulisan adalah bebas mengikut kreativiti masing-masing bersandarkan kepada penilaian oleh hakim/juri
12	PANDUAN MENYEDIAKAN DVD <ul style="list-style-type: none"> a) Bahan untuk pembentangan perlu disalin ke dalam DVD b) Sediakan satu salinan untuk Jabatan Pendidikan Negeri dan satu salinan lagi untuk Kementerian Pendidikan Malaysia.



Ruj Kami: KP(BPSH-SPKD)601/01/Jld.10 (7)
Tarikh: 24 Jun 2014

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Dato'/Tuan,

**PELAKSANAAN PEREKAYASAAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING
DI SEKOLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah adalah bertujuan agar setiap Guru Bimbingan dan Kaunseling memberi fokus kepada pembangunan sahsiah dan peningkatan disiplin diri murid dalam kalangan murid di sekolah. Perkara ini telah ditegaskan melalui **Surat Siaran KPM Bil. 12 Tahun 2012: Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah**, bertarikh 16 April 2012 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Justeru itu, adalah diharap setiap Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) turus memberi fokus kepada Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah pada setiap masa.

3. Hasil Pemeriksaan Khas Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNKJ) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Pendidikan KPPM Bil. 2/2014 telah mendapat perhatuan pelaksanaan perkhidmatan Guru Bimbingan dan Kaunseling yang berfokus kepada Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berada pada tahap yang kurang memuaskan. Dalam hal ini, masih terdapat sekolah yang tidak melaksana Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling secara berfokus dan menyeluruh di sekolah.

4. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dapat dilaksana secara berfokus di semua sekolah, perkara-perkara berikut hendaklah dilaksanakan pada kadar segera dengan penuh komitmen:

- 4.1 Semua sekolah hendaklah melaksana Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling secara menyeluruh dan berfokus. Bagi tujuan itu Pengetua/Guru Besar hendaklah memastikan:
 - a. Semua GBK dilantik secara sepenuh masa (tidak mengajar subjek akademik).

- b. Semua perkhidmatan GBK berfokus kepada sasaran kerja utama (tugas hakiki).
- 4.2 Semua sekolah hendaklah memastikan GBK memberi keutamaan kepada program dan aktiviti yang berfokus kepada:
 - a. Pembangunan dan pengembangan sahsiah diri murid.
 - b. Peningkatan disiplin diri murid.
 - c. Pendidikan kerjaya murid.
 - d. Psikososial dan kesejahteraan mental murid.
- 4.3 Semua GBK hendaklah melaksana Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling secara berfokus dengan memberi tumpuan kepada aspek:
 - a. Melaksana sesi kaunseling individu (sekurang-kurangnya 5 sesi seminggu) dan sesi kaunseling kelompok (sekurang-kurangnya 1 sesi seminggu).
 - b. Mengemaskini sistem fail dan pelaporan secara sistematik.
 - c. Memastikan Buku Pelaporan Harian sentiasa dikemaskini.
 - d. Mewujudkan suasana bilik kaunseling yang kondusif dan terapeutik.
 - e. Meningkatkan perkhidmatan pendidikan kerjaya murid.
 - f. Mempunyai penampilan diri dan personaliti sebagai role model kepada murid.
- 4.4 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) hendaklah melaksanakan pemantauan dan bimbingan berterusan di sekolah bagi memastikan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah dilaksana secara berkesan termasuk aktiviti sokongan seperti:
 - a. Amalan Guru Penyayang
 - b. Program Mentor Mentee
 - c. Program Minda Sihat
 - d. Dasar Warga Emas Negara
 - e. Sistem e-Profil Kerjaya Murid (SePKM)

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan dimohon untuk memaklumkan Pelaksanaan Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua/Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

DATO' HAJI MAZLAN BIN MOHAMAD D.S.A.P, D.I.M.P
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

sk:

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi)
3. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Pengarah
Bahagian Sukan
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
Kementerian Pendidikan Malaysia



Ruj Kami: KP(BPSH-SPKD)601/01/Jid 10 (4)
Tarikh: 13 Jun 2014

Semua Pengaruh Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Dato/Tuan,

PELUASAN PELAKSANAAN PROGRAM MINDA SIHAT DALAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI MURID DI SEMUA SEKOLAH MENENGAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SELURUH NEGARA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia akan melaksanakan peluasan bagi Program Minda Sihat dalam Pembangunan Sahsiah Diri Murid di semua sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini adalah bertujuan meningkatkan daya tindak murid dalam pengurusan diri bagi menghadapi stres.
3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) adalah dimohon memberikan kerjasama kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi melaksanakan program ini di peringkat sekolah. Program ini hendaklah dilaksanakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) secara berfokus di sekolah menengah seperti ketetapan berikut.
 - 3.1 Program Minda Sihat dilaksana kepada semua murid Tingkatan 4.
 - 3.2 GBK mentadbir dan menganalisis Saringan DASS dan Soal Selidik Gaya Daya Tindak.
 - 3.3 GBK melaksana aktiviti intervensi berpandukan Modul Intervensi Minda Sihat.
 - 3.4 GBK menyediakan pelaporan untuk diseleraskan peringkat PPD, JPN dan KPM.
 - 3.5 Pentadbir sekolah adalah dikehendaki memperbaiki Jadual Khas bagi membolehkan GBK melaksana Saringan DASS dan Soal Selidik Gaya Daya Tindak serta aktiviti intervensi di peringkat sekolah.

4. Bersama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Program Minda Sihat seperti di LAMPIRAN A. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan program ini, pihak YBhg. Dato'/Tuan boleh berhubung dengan pegawai di Bahagian ini En. Ab. Rahim bin Othman di talian 03-38849445 @ 019-3661647 (Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Segala kerjasama YBhg. Dato'/Tuan berikan amat dihargai serta dihaduti dengan ucapan terima kasih.

Sekian

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

DATO' HAJI MAZCAN BIN MOHAMAD G.B.A.P, D.I.M.P
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

sk:

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi)
3. Kementerian Kesihatan Malaysia
(up: Bahagian Kawalan Penyakit)
4. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Kurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah
Bahagian Sukan
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Kecemerlangan
Kementerian Pendidikan Malaysia